NEXUS

RANGKUMAN ISU SEMASA MINGGUAN

EDISI#17

18 April 2024 – 1 Mei 2024



PENULIS NEXUS

KUMPULAN PENYELIDIK YAYASAN STRATEGIK LESTARI
DAN PENYELIDIK JEMPUTAN

www.yslestari.org.my/nexus

ISI KANDUNGAN

Berjayakah DAP di PRK Kuala Kubu Baru 2
AirAsia: Apa Faedah Yuran Kelestarian? 5
Pendidikan Malaysia Ketinggalan – Bank Dunia 8
Malaysia Kepupusan Pegawai Veterinar 11
Larang Kedai Makan 24 Jam Demi Kesihatan 13
Tawaran *Dual Citizenship* Buat Rakyat Indonesia 16

NEXUS merupakan rangkuman isu semasa mingguan yang disediakan oleh kumpulan penyelidik Yayasan Strategik Lestari bagi mencerakinkan maklumat terkini menerusi lensa analitikal lalu dicerna oleh pembaca.

Segala ulasan yang dikepilkan adalah tanggungjawab pengulas sendiri. Para pembaca boleh berkongsi maklum balas menerusi emel: penyelidik@yslestari.org.my

Berjayakah DAP di PRK Kuala Kubu Baru

- Terdapat laporan mengatakan bahawa pengundi Pakatan Harapan akan memboikot Pilihanraya Kecil (PRK) Kuala Kubu Baru yang akan berlangsung pada 11 Mei ini. Hal ini berikutan terdapat ura-ura pengundi UMNO akan memboikot jika calon bukan Melayu diletakkan pada PRK kali ini.
- Menurut penganalisis peluang Pakatan Harapan (PH) memenangi PRK Kuala Kubu Baharu lebih tinggi jika meletakkan calon Melayu memandangkan jumlah pengundi Melayu di DUN itu cukup signifikan.
- Ia membolehkan penyokong Umno yang tidak mengundi PH pada PRN tahun lalu, selain mengimbangi kemungkinan pengundi bukan Melayu – yang juga penyokong teras PH – keluar mengundi rendah.
- Sumber di lapangan menyebut, nama calon Melayu terdengar akan dipilih mewakili DAP, namun akhirnya DAP memilih Pang Sock Tao, Setiausaha Akhbar kepada YB Menteri Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Nga Kor Ming sebagai calon.
- Pemilihan Pang sebagai calon dilihat sebagai langkah DAP yang mahu fokus untuk meraih undi maksimum daripada kaum Cina. DUN Kuala Kubu Baharu yang terletak di dalam kawasan Parlimen Hulu Selangor mempunyai 46% pengundi Melayu, Cina (30%), India (18%) dan lain-lain (5%).
- Namun di sisi lain, langkah meletakkan calon DAP berbangsa Cina di kerusi tradisi DAP agak merencatkan perpaduan antara UMNO dan PH. MCA semenjak awal lagi menyatakan akan memboikot jika bukan calon BN yang dipilih.
- Walaupun pendirian MCA ini dilihat sebagai usaha MCA mendapatkan kerusi di PRK itu, pada masa yang sama kenyataan mereka boleh menerima jika UMNO mewakili BN bertanding adalah lebih realistik kepada situasi semasa.

- Hasrat DAP untuk mempertahankan kerusi yang dimiliki mereka semenjak PRU-13 nampak semakin sukar apabila masyarakat India pula menunjukkan kecenderungan memboikot calon PH. Beberapa pihak yang terdiri daripada bekas menteri, bekas pemimpin dan sekutu PH, serta wakil NGO turut menggerakkan kempen boikot ini.
- Ketidakpuasan hati pengundi India tercetus daripada kontroversi pengislaman seorang pemuda India oleh PM selain faktor ketiadaan menteri daripada kalangan kaum India susulan rombakan Disember dan juga ketika insiden DSAI menjawab soalan pelajar India mengenai kuota kaum di institusi pendidikan.
- Tidak cukup dengan ugutan boikot daripada Melayu dan India, kaum Cina yang menjadi fokus DAP dalam PRK ini juga akan menggunakan undi Kuala Kubu Baru untuk menghantar mesej bantahan kepada DAP.
- Mesej ugutan kaum Tionghoa ini berikutan daripada kecewa mereka dengan kontroversi yang melibatkan pemimpin tertinggi UMNO yang terpalit dengan kes rasuah, janji reformasi institusi yang tidak ditunaikan, serta pengendalian kerajaan PH-BN terhadap isu yang mencetuskan ketegangan agama.
- Melihat kepada keputusan pilihanraya yang lalu, untuk mengatakan bahawa kaum Tionghoa akan mengundi calon selain DAP adalah agak mustahil. Namun boleh jadi mereka akan memboikot PRK ini dengan cara tidak keluar mengundi pada 11 Mei ini.
- Perlu diingat dengan hanya pengurangan seminimum 5 peratus keluar mengundi daripada kaum Cina dan daripada 50 peratus keluar mengundi daripada masyarakat India, ia sudah memadai untuk menjadikan kerusi yang disandang oleh DAP selama ini bertukar tangan.
- Jika PRK sebelum ini menjadi bukti penolakan yang konsisten orang Melayu terhadap PH-BN, namun PRK kali ini dilihat sebagai medan untuk kaum lain mula menunjukkan penolakan kepada pemerintahan PMX. Mungkin bertitik

tolak daripada keputusan ini, maka hubungan PH-BN akan semakin renggang dan membesar keretakannya.

RUJUKAN

- https://www.astroawani.com/berita-politik/hormati-hak-mca-tidak-kempen-kecuali-calon-dari-bn-pemuda-mca-467512
- https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/04/01/peluang-menang-prk-kkb-lebih-tinggi-jika-ph-letak-calon-melayu-kata-penganalisis/
- https://www.malaymail.com/news/malaysia/2024/04/29/pundits-chinese-voters-will-use-kuala-kubu-baru-vote-to-send-protest-message-to-dap/131248

AirAsia: Apa Faedah Yuran Kelestarian?

- Dalam suratnya kepada pemegang saham, Tan Sri Tony Fernandes, Ketua Pegawai Eksekutif Capital A, mengumumkan bahawa AirAsia, tidak lama lagi bakal bergabung dengan AirAsia X Bhd (AAX), akan memperkenalkan "yuran kelestarian" kepada tambang penerbangan mereka. Yuran ini diperuntukkan bagi projek mengimbangi karbon dan menangani kebimbangan alam sekitar dalam industri penerbangan.

- Ini kerana industri ini menyumbang kira-kira 2-3% daripada pelepasan CO2 global setiap tahun akibat pembakaran bahan api fosil. Walaupun jumlah ini kelihatan agak kecil, pelepasan daripada penerbangan sangat memberi kesan kerana ia dilepaskan terus ke atmosfera, di mana ia mempunyai kesan yang lebih signifikan terhadap perubahan iklim.

- Tujuan yuran ini adalah untuk melabur dalam inisiatif mengimbangi karbon serantau seperti Corsia (Carbon Offsetting and Reduction Scheme for International Aviation - Skim Mengimbangi dan Pengurangan Karbon untuk Penerbangan Antarabangsa), mencerminkan pendekatan yang seimbang secara global terhadap kemampanan.

- Walaupun caj ini khusus untuk projek mengimbangi karbon, Fernandes tidak menyatakan pecahan terperinci atau implikasi kos yang tepat untuk pengguna. Kekurangan butiran utama ini boleh menyebabkan pengguna mempersoalkan ketelusan dan faedah langsung yuran tersebut.

- Menteri Pengangkutan Malaysia Anthony Loke menjelaskan bahawa langkah industri mengenakan yuran untuk pelepasan karbon dan bahan api penerbangan mampan (SAF) menggambarkan wujudnya halangan logistik dan kewangan dalam menjadikan alternatif bahan api yang lebih hijau berdaya maju.

- Fernandes mengakui bahawa walaupun SAF adalah penting ke arah mencapai kemampanan industri, namun ia tidak praktikal kerana implikasi kos yang tinggi dan cabaran logistik yang ketara. Tambahan pula, ia mengambil masa yang lama untuk direalisasikan.

- Kembali kepada yuran kelestarian, selaras dengan etika Islam, ketelusan dan kejujuran dalam perniagaan adalah penting. Keberkesanan dan penerimaan yuran kemampanan mungkin bergantung pada sejauh mana AirAsia berkomunikasi secara terbuka dan menyampaikan maklumat yang penuh kepada pengguna tentang ke mana yuran itu pergi dan projek berkaitan kemampanan yang disokongnya.

- Selain itu, mengambil kira aspek keadilan ekonomi Islam, penting untuk dipertimbangkan bagaimana yuran ini memberi kesan kepada penumpang berpendapatan rendah dan sederhana. Memastikan bahawa yuran tidak membebankan mereka yang kurang fleksibiliti kewangan adalah penting dalam menyelaraskan prinsip ekuiti dan keadilan Islam.

- Lebih-lebih lagi dengan pelarasan caj lapangan terbang baru-baru ini telah menyebabkan kenaikan harga tambang dikenakan kepada pengguna terutama bagi yang mempunyai ahli keluarga yang ramai. Ini boleh memberikan kesan kepada jumlah penumpang yang memilih menaiki kapal terbang di masa akan datang.

- Tidak dinafikan, pengumuman yuran kelestarian oleh AirAsia menandakan satu langkah penting dalam perjalanan industri penerbangan ke arah kemampanan. Malahan, langkah ini akan diikuti oleh syarikat penerbangan lain.

- Walau bagaimanapun, keberkesanan yuran sedemikian akan sangat bergantung pada pelaksanaannya, ketelusan dan projek sebenar yang dibiayai olehnya. AirAsia mesti memberikan butiran lanjut untuk

mendapatkan sokongan dan kepercayaan penuh daripada pengguna dan pemegang kepentingannya.

RUJUKAN

- https://ceomorningbrief.theedgemalaysia.com/2024/0757/
- https://www.linkedin.com/pulse/sustainability-aviation-industry-malaysias-perspective-qdnkf/

Pendidikan Malaysia Ketinggalan – Bank Dunia

- Laporan terbaru yang disiarkan Bank Dunia bertajuk '*Bending Bamboo Shoots: Strengthening Foundation Skills*' mendedahkan situasi membimbangkan sistem pendidikan Malaysia.



- Pendedahan dibuat oleh Pengarah Negara Bank Dunia Brunei, Malaysia, Filipina dan Thailand, Ndiame Diop, mendapati 42 peratus pelajar di Malaysia gagal menguasai kemahiran membaca menjelang akhir Darjah 5, jauh lebih teruk daripada rakan serantau yang lain.
- Tambah beliau, Malaysia mempunyai sistem pendidikan yang sangat baik, namun ia perlu dimajukan di peringkat rendah dan menengah terutama perkara yang melibatkan kemahiran asas membaca dan mengira, selain pembangunan pendidikan awal kanak-kanak berkualiti tinggi.
- Laporan sama turut mendedahkan masalah ketidakcekapan yang membimbangkan dengan pelajar Malaysia kerana mereka menghabiskan secara purata 12.5 tahun di sekolah namun tempoh pembelajaran hanya 8.9 tahun. Ironinya, pelajar Vietnam mampu mencapai 10.7 tahun pembelajaran bagi tempoh masa yang sama.

- Antara punca-punca yang telah dikenalpasti adalah akses terhad kepada pendidikan awal kanak-kanak yang berkualiti, kesediaan guru dan kekurangan sistem penjejakan prestasi yang mantap.
- Tinjauan turut mendapati kemahiran insaniah seperti penyelesaian masalah, kepimpinan termasuk komunikasi dan kemahiran teknikal tidak dipenuhi dengan baik menyebabkan daya saing antara rakan-rakan di negara serantau seperti Singapura, Vietnam serta Korea jauh mendahului Malaysia.
- Bank Dunia turut mencadangkan beberapa kaedah bagi meningkatkan pendidikan negara iaitu dengan mempertingkat kualiti pendidikan prasekolah, menambah akses pendidikan kepada kanak-kanak daripada isi rumah berpendapat rendah, dan menilai hasil pembelajaran dengan teliti mengikut piawaian terbaik antarabangsa selain melihat prestasi guru secara holistik.
- Setiap tahun, kerajaan telah memeruntukan jumlah agihan belanjawan yang besar kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) iaitu 3.2 peratus daripada Keluaran Dalam Negar Kasar (KDNK) namun tahap pencapaian dan pembelajaran pelajar masih ketinggalan berbanding jangkaan.
- Justeru, KPM perlu melihat pendedahan yang dibuat oleh World Bank ini sebagai seruan untuk Malaysia segera menangani isu sistemik seperti masalah keciciran murid selain memastikan perbelanjaan pendidikan mampu diterjemah kepada penambahbaikan yang ketara untuk semua pelajar.
- Tumpuan juga harus diberi kepada pembangunan profesionalisme guru melalui pelbagai program yang relevan untuk meningkatkan kompetensi dan profesionalisme guru dalam perkhidmatan seterusnya membantu melonjak kualiti pendidikan negara.
- Namun, sekiranya wujud kesilapan atau unsur berat sebelah dalam pendedahan ini, KPM harus mengambil sikap proaktif bersuara dan

bekerjasama dengan pihak World Bank bagi memastikan imej pendidikan negara tidak tercalar dek kerana laporan tidak lengkap ini.

RUJUKAN

- https://www.worldbank.org/en/country/malaysia/publication/bending-bamboo-shoots-strengthening-foundational-skills
- https://www.astroawani.com/videos/video-terkini-x7sio1/kanakkanak-malaysia-tidak-cukup-belajar-di-sekolah-laporan-bank-dunia-x8xmor0
- https://www.sinarharian.com.my/article/661492/berita/nasional/pelajar-malaysia-masih-ketinggalan-jauh-berbanding-singapura-korea---bank-dunia
- https://thesun.my/style-life/going-viral/world-bank-report-report-expresses-concern-over-malaysia-s-education-system-PI12388869

Malaysia Kepupusan Pegawai Veterinar

- Negara masih kekurangan pegawai veterinar sama ada dalam sektor awam mahupun swasta untuk mencapai nisbah ideal, iaitu satu pegawai veterinar bagi setiap 5,000 orang yang memiliki haiwan ternakan atau peliharaan di negara ini.
- Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), Datuk Lokman Hakim Ali berkata, negara dianggarkan memerlukan lebih 6,400 pegawai veterinar di seluruh negara untuk mencapai nisbah ideal tersebut. Ini menunjukkan Malaysia hanya mencapai 26% keperluan negara.
- Ini mengakibatkan negara dalam situasi kritikal dalam mengenal pasti dan mengawal risiko penyakit, menjalankan penyelidikan dan pembangunan baka baru, serta memeriksa dan memantau haiwan.
- Malahan produk hiliran seperti daging, susu, dan telur juga berisiko terdedah kepada masalah kebersihan, keselamatan dan ketidakpatuhan piawaian halal akibat daripada kekurangan pegawai.
- Jika dibandingkan dengan negara luar, Malaysia hanya mempunyai 2,236 pegawai veterinar berbanding Australia (13,000) Jepun (40,251), Thailand (15,000) dan Taiwan (5,342).
- Beliau juga memaklumkan kebanyakan pegawai veterinar negara merupakan majoriti graduan bagi profesion veterinar dari dua fakulti veterinar tempatan iaitu Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Malaysia Kelantan (UMK), manakala selebihnya graduan luar negara meliputi Indonesia, Taiwan, India dan Pakistan.
- Menurut beliau, UPM hanya mempunyai kapasiti menghasilkan seramai 120 graduan veterinar, manakala UMK pula mempunyai kapasiti menghasilkan 40 graduan veterinar setiap tahun. Graduan veterinar luar negara pula dianggarkan dalam lingkungan 60 hingga 80 orang setiap tahun menjadikan

jumlah kemasukan graduan veterinar negara setiap tahun seramai 220 - 240 orang.


- Baru-baru ini, KPKM juga meminta jabatan dan agensi kerajaan berkaitan kawalan sempadan meningkatkan penguatkuasaan di pintu masuk negara bagi menangani kemasukan kambing dan lembu murah serta diragui status kesihatannya menjelang Aidiladha akan datang.
- Peranan pegawai veterinar sangat penting di ruang pintu masuk negara bagi memastikan keselamatan produk dan kestabilan harga pasaran negara. Kerjasama yang lebih luas perlu dilaksanakan bagi mempromosikan peranan dan kerjaya pegawai veterinar seterusnya membuka ruang untuk mempertingkatkan bilangan kursus perkhidmatan veterinar dalam negara.

RUJUKAN

- https://www.kosmo.com.my/2024/04/27/malaysia-kekurangan-pegawai-veterinar/
- https://www.astroawani.com/berita-malaysia/tingkat-kawalan-di-sempadan-tangani-kemasukan-kambing-lembu-murah-menjelang-aidiladha-468402

Larang Kedai Makan 24 Jam Demi Kesihatan

- Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) mencadangkan agar lesen kedai makan yang beroperasi selama 24 jam dimansuhkan atas faktor kesan negatif terhadap kesihatan rakyat seperti berat badan bertambah, gangguan tidur dan masalah penghadaman.
- Presiden CAP, Mohideen Abdul Kadeer memetik ada penyelidikan menunjukkan individu yang makan lewat malam melebihi 40 peratus daripada keperluan tenaga harian mereka, menimbulkan faktor risiko ketara bagi obesiti malah apabila ditambah pula dengan pemakanan tidak seimbang terdiri daripada makanan tinggi kandungan lemak, garam dan gula akan meningkatkan risiko penyakit kardiovaskular dan merosakkan enamel gigi.
- Apabila dibandingkan dengan negara-negara jiran dalam rantau ASEAN, Malaysia berada di kedudukan kedua dengan peratus penduduk berat badan berlebihan. Manakala menurut Tinjauan Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan, sebanyak 50.1 peratus populasi dewasa mempunyai berat badan berlebihan (30.4%) atau obes (19.7%).



- Memandangkan obesiti adalah faktor risiko penyakit tidak berjangkit (NCD) seperti diabetes tahap 2, penyakit kardiovaskular dan kanser, negara

membelanjakan sekitar RM9.65 bilion setiap tahun bagi menangani dan merawat.

- Selain itu, enam daripada 10 orang dewasa memerlukan penjagaan akibat kerosakan gigi, berdasarkan Tinjauan Kesihatan Pergigian Kebangsaan 2022. Sebanyak 94.6% orang dewasa Malaysia memerlukan beberapa bentuk rawatan pergigian dengan kerosakan gigi menjadi masalah utama.
- Kementerian Kesihatan (KKM) akan memperhalusi cadangan CAP tersebut dengan mengadakan sesi libat urus bersama semua pemegang taruh kerana ia harus dibuktikan secara empirikal melalui kajian yang objektif dan menyeluruh.
- Antara pertimbangan yang perlu diambil kira ialah petugas barisan hadapan, pekerja syif malam juga pelancong yang bergantung kepada operasi kedai makan terbabit. Begitu juga cadangan penutupan itu tidak dapat menjamin pengguna akan mencari alternatif lain memandangkan ada dalam kalangan mereka mempunyai tahap literasi kesihatan yang rendah.
- Persatuan Pengusaha Restoran Muslim Malaysia (Presma) turut menolak cadangan pemansuhan lesen kedai makan 24 jam dengan menyifatkan gesaan itu hanya sesuai dijalankan mengikut keperluan, lokasi serta gaya hidup masyarakat bagi memenuhi keperluan semua pihak. Ahli Parlimen Kepong, Lim Lip Eng turut bersependapat kerana berpotensi menyebabkan kehilangan pekerja dan menurunkan aktiviti ekonomi.
- Sudah banyak kempen kesedaran kesihatan dijalankan tetapi kelihatan seolah-olah langsung tidak berkesan apabila melihat kepada statistik kesihatan dan dibandingkan dengan negara jiran kita. Kerajaan mahupun aktivis kesihatan harus merangka satu pelan bagi mencorak tabiat masyarakat dan berani mengemukakan pola pemakanan yang berbeza dengan budaya sedia ada agar kesihatan diutamakan.

- Selain kesihatan, aspek produktiviti turut perlu diberi perhatian dalam cadangan mansuh lesen 24 jam kedai makan kerana ramai anak muda menjadikan lokasi seperti ini sebagai tempat lepak mereka dan golongan bapa menghabiskan masa bukan bersama keluarga di rumah.

RUJUKAN

- https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/04/1237720/mansuh-lesen-24-jam-kedai-makan-galak-tabiat-pemakanan-tidur-lebih
- https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/04/24/boleh-jejas-ekonomi-ahli-parlimen-gesa-tolak-cadangan-larang-kedai-makan-24-jam/
- https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/04/24/kkm-perhalusi-cadangan-mansuh-lesen-24-jam-kedai-makan/
- https://www.mkn.gov.my/web/ms/2024/03/11/malaysia-duduki-tangga-kedua-obesiti-di-asia-tenggara/ https://apnews.com/article/un-vote-palestinian-membership-us-veto-8d8ad60d8576b5ab9e70d2f8bf7e2881

Tawaran *Dual Citizenship* Buat Rakyat Indonesia

- Bagi mengatasi masalah migrasi dan "*brain drain*" di Indonesia, Menteri Hal Ehwal Maritim dan Pelaburan, Tuan Luhut Pandjaitan berkata kerajaan bercadang untuk menawarkan dua kewarganegaraan kepada mana-mana warganegara Indonesia yang tinggal di luar negara dan berhasrat untuk mengekalkan kewarganegaraan asal selain memegang kewargangeraan di tempat individu tersebut bekerja.
- Tawaran pemberian dua kewarganegaraan tersebut adalah bertujuan untuk membawa semula tenaga mahir yang dimiliki oleh rakyatnya. Tenaga mahir tersebut sangat diperlukan bagi membangunkan ekonomi digital dan ekonomi yang mampan.
- Berdasarkan data Direktorat Jenderal Imigrasi dari tahun 2019 sehingga 2022, sebanyak 4000 warganegara Indonesia telah melepaskan kerakyatannya untuk menjadi warganegara Singapura.
- "*A Review of Indonesian Emigrants*" telah melaporkan pada tahun 2015 purata 377,000 warga Indonesia telah berhijrah ke Netherlands, Amerika Syarikat, Australia, Jepun, Korea, Hong Kong dan Singapura.
- Isu dua kewarganegaraan sebelum ini pernah menjadi kontroversi pada Ogos 2016. Presiden Indonesia Joko Widodo telah memecat Arcandra Tahar, Menteri Tenaga dan Sumber Mineral susulan pertikaian berhubung kerakyatan. Menurut laporan, Arcandra telah menetap di Amerika Syarikat selama 20 tahun dan dilaporkan memiliki dua kerakyatan iaitu Amerika Syarikat dan Indonesia.
- Indonesia secara umumnya tidak membenarkan warganegaranya memiliki dua kewarganegaraan (*dual citizenship*). Menurut Undang-undang Dasar Negara Indonesia, Indonesia menetapkan prinsip kewarganegaraan tunggal.

- Namun, terdapat pengecualian yang berikan kepada kanak-kanak yang lahir daripada perkahwinan campuran (salah satu ibu bapanya bukan warganegara Indonesia). Kanak-kanak tersebut dibenarkan mempunyai dua kewarganegaraan sehingga mencapai umur 18 tahun. Kemudian, apabila telah mencapai umur 18 tahun, kerajaan memberikan tempoh selama 3 tahun untuk individu tersebut memilih kerakyatannya sebelum mencapai umur 21 tahun.
- Undang-undang ini termaktub dalam Undang-undang Nombor 12, Tahun 2006 tentang Kewarganegaraan Republik Indonesia. Tujuan undang-undang tersebut dirangka bagi menjamin kedaulatan, integriti dan kesetiaan rakyatnya daripada apa-apa konflik.
- Jika kerajaan Indonesia mempertimbangkan untuk mengiktiraf dua kewarganegaraan, terdapat beberapa cabaran yang perlu diatasi dari aspek politik, sosial dan kedaulatan negara. Cabaran kesetiaan awam dan identiti nasional mungkin akan menimbulkan keresahan orang awam kerana rakyat Indonesia sehingga kini masih lagi tidak mampu memberi kepercayaan yang jitu kepada ahli politik yang mempunyai dua kerakyatan.
- Pengiktirafan dua kewarganegaraan akan menyukarkan Menteri Dalam Negeri atau agensi-agensinya untuk memantau keamanan, keselamatan dan kedaulatan negara. Perkara-perkara sensitif seperti strategi kerajaan, pertahanan negara, dan kebocoran maklumat kementerian atau awam akan berlaku dengan mudah. Sekiranya perkara ini berlaku, ia akan menimbulkan keresahan dan rasa tidak percaya rakyat terhadap kerajaan.
- Selain itu, dari sudut penyelarasan undang-undang pula, pengenalan dua kewargangeraan akan memberi kesan terhadap perundangan negara. Kerajaan perlu meneliti semula hak mengundi, perkhidmatan awam dan kelayakan untuk menjawat jawatan awam. Kerajaan menerusi kementerian juga perlu menyemak semula kadar percukaian, perkhidmatan sosial dan

pengurusan data rakyat bagi memastikan mereka (individu yang memegang dua kerakyatan) juga mempunyai sumbangan serta keistimewaan.

RUJUKAN

- https://www.freemalaysiatoday.com/category/business/2024/04/30/indonesia-may-offer-dual-citizenship-to-attract-overseas-workers/
- https://www.bloomberg.com/news/articles/2024-04-30/indonesia-plans-to-offer-dual-citizenship-to-halt-brain-drain
- https://www.oecd-ilibrary.org/sites/d4041d86-en/index.html?itemId=/content/component/d4041d86-en
- https://www.bharian.com.my/taxonomy/term/4/2016/08/183600/menteri-indonesia-dipecat-kerana-miliki-dua-kerakyatan



NEXUS

RANGKUMAN ISU SEMASA MINGGUAN

YAYASAN STRATEGIK LESTARI

Maklumat lanjut mengenai penerbitan
Rangkuman Isu Semasa Mingguan
boleh didapati di:

www.yslestari.org.my/**nexus**

© **Hak Cipta Terpelihara**